

# Bilangan kerusi: Berjasa minta dipertimbangkan

KOTA BHARU, Isnin — BERJASA tidak meminta bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang akan dipertandingkannya dalam pilihanraya umum nanti.

Setiausaha Agungnya, Encik Ismail Haji Ali memberitahu, hari ini, BERJASA cuma meminta pucuk pimpinan Barisan Nasional menimbang bilangan kerusi yang akan diperuntukkan mengikut kemampuan dan keupayaan BERJASA mencapai kemenangan di kawasan-kawasan berkenaan.

Beliau memberitahu

Berita Harian, pihaknya masih belum diberitahu bilangan kerusi yang akan diuntukkan kepada BERJASA.

Katanya, setakat ini Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju supaya 11 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diwakili BERJASA sekarang dikekalkan.

Menurut beliau, dalam perjumpaan khas dengan Jawatankuasa Agung BERJASA di Kuala Lumpur minggu lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan untuk menimbang bilangan kerusi kepada BERJASA di Kelantan,

Kedah, Trengganu dan Perak.

"Kita tidak meminta jumlah atau bilangan kerusi negeri dan Parlimen, cuma berharap pucuk pimpinan Barisan Nasional menimbangkan mengikut kemampuan BERJASA memenangi sesuatu kawasan yang akan diberikan itu," ujarnya.

Encik Ismail menyambut baik langkah menentukan calon Barisan Nasional secara rundingan antara Datuk Seri Dr. Mahathir dan ketua parti komponen.

"BERJASA menaruh sepenuh kepercayaan atas keikhlasan dan keadilan Datuk Seri Dr. Mahathir membahagi-bahagikan kerusi pilihanraya antara parti-parti komponen Barisan Nasional," ujarnya.

Encik Ismail yakin Barisan Nasional akan mencapai kemenangan mutlak dalam pilihanraya kali ini memandangkan perpaduan di kalangan pemimpin dan ahli parti komponen semakin erat.

Mengenai calon Barisan Nasional, yang akan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Sering yang kini dipegang oleh PAS, Encik Ismail berkata, "kami yakin BERJASA akan diberi peluang sekali lagi bertanding di situ."

Dalam pilihanraya lalu, calon BERJASA di kawasan itu, Encik Ismail Abdullah ditewaskan oleh calon PAS, Ustaz Nik Abdullah Nik Arshad dengan kelebihan 84 undi sahaja.

Katanya, BERJASA telah menyusun jentera pilihanrayanya yang kini 90 peratus siap sedia.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

85